



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“TAULADAN DARI UTUSAN MULIA”

Tarikh Dibaca :

**8 RABI'ULAWWAL 1443H/
15 OKTOBER 2021M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



TAULADAN DARI UTUSAN MULIA

8 RABI'ULAWWAL 1443H / 15 OKTOBER 2021

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ: قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ
وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ٣١

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَلَا مِثْلَ وَلَا شَبِيهَ وَلَا ضِدَّ وَلَا نِدَّ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ وَصَفِيَّهُ وَحَبِيبَهُ مِنْ بَعَثَهُ اللَّهُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ
هَادِيًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا بَلَّغَ الرِّسَالَةَ وَأَدَّى الْأَمَانَةَ وَنَصَحَ الْأُمَّةَ وَجَاهَدَ فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ
فَجَزَاهُ اللَّهُ عَنَا خَيْرَ مَا جَزَى نَبِيًّا مِنْ أَنْبِيَائِهِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH,

Pada hari perayaan mingguan umat Islam yang penuh keberkatan ini, khatib berpesan kepada diri sendiri serta para jemaah, bertakwalah sekalian kamu kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dan janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.

Mudah-mudahan, dengan ketaatan dan ketakwaan kita kepada Allah SWT serta kecintaan yang menggunung tinggi terhadap junjungan besar Nabi Muhammad SAW, segala bala dan ujian yang diberikan pada waktu ini termasuklah wabak Covid-19 segera diangkat oleh Allah SWT. Bersempena dengan sambutan Maulidur Rasul pada tahun 1443 Hijrah ini, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: **“Tauladan Dari Utusan Mulia”**.

Khatib juga ingin mengingatkan untuk kita terus berdisiplin mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan penularan wabak Covid-19. Jagalah kesihatan dan keselamatan diri dan keluarga. Kelonggaran yang telah diberikan bukan bermaksud kita sudah bebas dari wabak. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam, marilah sama-sama kita mengimarahkan masjid pada setiap waktu. Sesungguhnya orang-orang yang memakmurkan masjid dengan amalan-amalan yang baik itu akan diberi ketenangan dan dicucuri rahmat sebagaimana disebut dalam hadis:

وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَغَشِيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ

Mafhumnya: *“Setiap kali segolongan kaum berkumpul di rumah daripada rumah-rumah Allah (masjid), membaca al-Quran, dan bertadarus dalam kalangan mereka, nescaya diberikan ketenangan dan mereka dicucuri rahmat”*. **(Hadis riwayat Imam Muslim)**

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Menelusuri tema Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan pada tahun ini iaitu **Manhaj Rabbani, Ummah Berkualiti** sudah cukup memberikan makna dan kesan mendalam terhadap kita selaku umat Nabi Muhammad SAW. Menurut tokoh ilmuan Islam Sa'id Hawwa, muslim rabbani ialah insan yang berilmu pengetahuan, mengabdikan diri kepada Allah serta bersifat zuhud terhadap dunia.

Justeru, pengaplikasian lafaz dalam tema sebegini membawa maksud suatu sistem bermatlamatkan ketuhanan yang mengembalikan pemahaman seseorang insan sebagai hamba Allah SWT seterusnya memberikan semaksimum mungkin manfaat kepada ummah .

Oleh kerana itu juga, kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) memperkenalkan Dasar Manhaj Rabbani sebagai satu gagasan yang berpaksikan tiga ciri utama iaitu keilmuan, kerohanian dan dakwah yang sememangnya amat dekat di hati masyarakat negara ini.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Pada ayat 31 daripada Surah al-Imran yang dibacakan pada permulaan khutbah sebentar tadi, Allah SWT berfirman yang bermaksud: *"Katakanlah: "Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, niscaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu". Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang"*.

Saban tahun, kita menyambut sambutan Maulidur Rasul bagi memperingati kelahiran Baginda Nabi SAW yang merupakan nikmat yang tidak ternilai bagi umat akhir zaman. Menelusuri sejarah, sambutan sebegini merupakan cetusan idea daripada al-Malik Muzaffaruddin ketika bertemu para ulama ketika zamannya bagi memperingati junjungan besar yang mulia.

Malah, Sayyid Alwi al-Maliki al-Hasani menjelaskan dalam kitabnya bertajuk *Mukhtasar Sirah Nabawiyah* menjelaskan bahawa memperingati Maulid Nabi tergolong dalam perkara kebaikan. Dalam kesempatan ini, khatib ingin menjelaskan tiga kata kunci utama untuk kita bersama-sama mengambil tauladan daripada kemuliaan Rasulullah SAW.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pertama, Rasulullah SAW merupakan tauladan bagi pedoman hidup manusia. Detik kelahiran Nabi SAW pada 12 Rabi'ul Awwal tahun gajah telah mengubah lanskap masyarakat jahiliyah ketika itu daripada kehidupan yang tiada pedoman kepada kehidupan agama yang bermatlamatkan kejayaan dunia serta kepercayaan kesejahteraan hidup di alam akhirat.

Bermula dengan terpadamnya api sembahan kaum Majusi dan runtuhnya singgahsana Raja Parsi yang gah pada ketika itu. kejadian ini secara tidak langsung menjadi titik permulaan kepada petanda lahirnya seorang utusan akhir zaman yang akan menjadi suri

tauladan buat sekalian insan. Perkara ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam ayat 33 daripada Surah al-Taubah:

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ
الْمُشْرِكُونَ ۚ

Maksudnya: “Dia lah yang telah mengutus RasulNya (Muhammad) dengan membawa petunjuk dan agama yang benar (agama Islam), untuk dimenangkan dan ditinggikannya atas segala agama yang lain, walaupun orang-orang Musyrik tidak menyukainya”.

Ajaran dan panduan yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kita semua bukannya bertujuan untuk menyusahkan, namun ia sebagai panduan ke arah kehidupan berkualiti yang seimbang antara dunia dan akhirat. Jika kita telusuri, adakah terdapat walaupun satu sunnah Baginda SAW yang membawa mudarat dan kerosakan kepada kehidupan manusia?

Ajaran dan panduan yang dibawa oleh Rasulullah SAW inilah sebenarnya panduan kepada keselamatan hidup manusia di dunia ini. Perkara ini ditegaskan oleh Baginda Nabi Muhammad SAW dalam sebuah hadis;

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ، لَنْ تَضِلُّوا مَا إِنْ تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا: كِتَابَ اللَّهِ، وَسُنَّتِي

Maksudnya: “Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara dan kamu tidak akan sesat selagimana kamu berpegang teguh dengannya iaitu kitab Allah (al-Quran) dan sunnah Nabi-Nya (Sunnah Nabi SAW)”.

Melalui hadis ini, Rasulullah SAW mengkhabarkan kepada kita bekalan yang sangat berguna terhadap segala permasalahan dan cabaran yang sedang kita hadapi dan tempuhi pada masa ini. Jika kita hayati, kebanyakan kerosakan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat pada masa ini berpunca apabila manusia meninggalkan segala perintah Allah SWT dan ajaran daripada Rasulullah SAW.

Bermula dari bangun tidur sehinggalah kita tidur kembali, segala panduan hidup telah diajarkan oleh baginda SAW. Tetapi, oleh kerana kelemahan dan kelalaian seseorang manusia, pedoman yang ditinggalkan oleh Baginda SAW kadangkala ditinggalkan dan tidak diambil sebagai bekalan kehidupan di dunia ini. Firman Allah SWT dalam Surah al-A'raaf ayat 158:

فَعَامِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ ۚ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ

تَهْتَدُونَ ١٥٨

Maksudnya: “Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya. Nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kalimah-kalimah-Nya (kitab-kitab-Nya) dan ikutilah dia (Rasulullah SAW) supaya kamu beroleh hidayah petunjuk”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kedua, mencintai Rasulullah SAW merupakan *wasilah* bagi memperoleh rahmat Allah SWT. Sambutan Maulidur Rasul bukannya hanya satu bentuk lakonan seolah-olah hanya pada waktu-waktu tertentu sahaja kita menzahirkan kecintaan terhadap Baginda SAW. Al-Marhum Syeikh Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi menegaskan apa yang penting dalam menyambut maulid ialah kita melaksanakan apa-apa yang disukai oleh empunya maulid dan Pencipta empunya maulid serta berpegang teguh kepada manhaj yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW.

Malah, gaya hidup kita sama ada dalam urusan ibadat, muamalat, munakahat, dan sebagainya menggambarkan keterampilan akhlak yang ditonjolkan oleh Baginda SAW. Hal ini sekaligus membuktikan kecintaan mendalam terhadap Baginda. Oleh itu, cinta kepada Rasulullah SAW hendaklah disemai dan dibajai dengan cinta kepada sunnah atau risalah yang ditinggalkan oleh Nabi SAW, bukan sekadar cinta kepada jasad dan keturunan Baginda.

Hal ini kerana cinta kepada Nabi SAW merupakan cabang kepada cinta kepada Allah SWT. Firman Allah SWT dalam Surah ali 'Imran ayat 31:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ

رَحِيمٌ ٣١

Maksudnya: “Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Kata kunci **ketiga** ialah Rasulullah SAW merupakan ikon kasih sayang. Kecintaan Baginda Nabi SAW terhadap umatnya bukan sahaja di dunia semata-mata, namun juga melangkaui jauh di akhirat kelak. Ketika umat manusia gementar berhadapan penghakiman Allah SWT terhadap setiap amalan, Baginda SAW merayu kepada Allah SWT supaya umatnya diringankan beban dan dilepaskan daripada seksa api neraka.

Malah, umat-umat terdahulu mencari nabi dan rasul mereka untuk mendapat bantuan namun ditolak kecuali umat Nabi Muhammad SAW sahaja dikurniakan kelebihan tersebut. Dalam sebuah hadis riwayat Muslim, Baginda Nabi SAW bersabda;

لِكُلِّ نَبِيٍّ دَعْوَةٌ مُسْتَجَابَةٌ فَتَعَجَّلْ كُلُّ نَبِيٍّ دَعْوَتَهُ وَإِنِّي اخْتَبَأْتُ دَعْوَتِي شَفَاعَةً

لَأُمَّتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَهِيَ نَائِلَةٌ إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنْ مَاتَ مِنْ أُمَّتِي لَا يُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئًا

Maksudnya: “Setiap Nabi mempunyai doa yang mustajabah, maka setiap Nabi doanya dimakbulkan segera, sedangkan saya menyimpan doaku untuk memberikan syafaat kepada umatku pada hari kiamat. Syafaat itu insya-Allah diperolehi umatku yang meninggal dunia (dalam keadaan) tidak menyekutukan Allah dengan sesuatu apapun”.

Mungkin kita tidak mampu untuk menjadi seperti Zaid bin Harithah yang sanggup mempertaruhkan nyawanya demi mempertahankan Nabi SAW daripada dcederakan oleh

penduduk Taif atau Talhah bin Ubaidillah serta Abu Dujanah yang sanggup menjadikan tubuh mereka sebagai perisai untuk melindungi Nabi SAW daripada terkena anak panah musuh dalam peperangan Uhud.

Namun, adakah kita ingin melepaskan peluang dalam sisa kehidupan kita bagi menyebarkan risalah yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW malah lebih teruk menyakiti Rasulullah SAW dengan melakukan perkara maksiat dan dibenci oleh Baginda. Mengulas hal ini, Syeikh al-Maraghi mengatakan bahawa menyakiti Rasulullah SAW selepas kewafatannya, sama seperti menyakitinya semasa hayatnya. Keimanan kepada Baginda akan menghalang orang mukmin daripada melakukan perbuatan yang akan menyakiti Baginda. Ini merupakan dosa dan kederhakaan yang paling besar.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH,

Sebagai kesimpulan dari khutbah hari ini, perlu diinsafi bahawa selaku umat Nabi SAW hendaklah kita menjadikan keperibadian Rasulullah SAW sebagai suri tauladan dalam kehidupan kita. Marilah kita sama-sama menghayati intipati daripada khutbah yang telah disampaikan tadi;

Pertama: Sambutan Maulidur Rasul merupakan amalan yang dibolehkan serta manifestasi kecintaan umat terhadap Baginda SAW.

Kedua: Berpegang teguh dengan ajaran al-Quran dan al-Sunnah merupakan bekalan yang akan menyelamatkan manusia daripada setiap keburukan di dunia dan akhirat.

Ketiga: Selaku umat yang beriman kepada Allah SWT dan rasul, jangan sesekali menyakiti Rasulullah SAW dengan melakukan perkara-perkara maksiat yang tidak disukai oleh Baginda.

Firman Allah SWT dalam ayat 128-129 Surah al-Taubah:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ
 بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ۝۱۲۸ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ
 وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ۝۱۲۹

Maksudnya: “*Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad SAW), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) dia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman*”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
 وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
 وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بِكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بِكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُوكُو حَاجِهِ عَزِيزُهُ أَمِينُهُ مِيمُونُهُ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

وَمَا نَسْأَلُكَ اللَّهُمَّ دَوَامَ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةَ وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ لِجَلَالَةِ نَائِبِ مَلِكِ مَالِيزِيَا
 دُولِي يَغِ مَا مَوْلِيَا قُدُوكِ سِرِّي سُلْطَانِ نَزْرِينَ مُعَزِّدِي شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ اَزْلَنِ
 مُحِبِّ الدِّينِ شَاهِ الْمَغْفُورِ لَهُ وَكَذَلِكَ دُولِي يَغِ مَا مَوْلِيَا رَاجِ قُرْمَايسُورِي قَيْرَاقِ تَوَانِكُو
 زَارَا سَلِيمِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُمْ وَوُزَرَائِهِمْ وَقَضَاتِهِمْ وَعَمَّالَهُمْ وَرِعَايَاهُمْ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
 بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ ،
 وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً ، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ .
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُودُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ ، وَالْجُنُونِ ، وَالْجُدَامِ ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Engkau angkat dan hilangkanlah wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.